

MH370: Pelajar doa depan Kaabah



Anak Permata Insan berdoa selepas menunaikan solat hajat di hadapan Kaabah untuk penumpang dan anak kapal pesawat MH370 sempena lawatan ilmiah mereka ke Arab Saudi, semalam.

(FOTO BERNAMA)

Kuala Lumpur: Seramai 29 pelajar Permata Insan, yang mengadakan lawatan ilmiah ke Arab Saudi sejak Jumaat lalu, mengadakan solat hajat di hadapan Kaabah untuk pesawat MH370 yang hilang sejak 8 Mac.

Solat hajat yang dipimpin Ustaz Muhammad Hafiz Saleh Al Hafiz dari Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM) mendoakan moga pesawat itu ditemui, menurut kenyataan Permata di sini, semalam.

MH370, membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang pada 8 Mac lalu ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing.

Pelajar Permata Insan itu, yang dalam lawatan belajar selama la-

pan hari ke Jeddah, Madinah dan Makkah, turut melawat beberapa universiti tersohor dalam bidang Sains Islam, antaranya Universiti Umm Al-Qura' di Makkah, Universiti Taibah di Madinah dan Universiti King Abdul Aziz di Jeddah serta American International School di Jeddah.

Ketika di sana, mereka juga

berpeluang menemui tokoh Islam yang disegani seperti Imam Besar Masjidil Haram Sheikh Abdur Rahman As Sudais, mengadakan sesi bertalaqi di masjid Madinah dan Makkah serta melawat tempat bersejarah dan menarik, termasuk Menara Jam Diraja Makkah atau Abraj Al-Bait yang juga menara jam tertinggi

dan terbesar di dunia.

Lawatan itu adalah projek perintis Permata Insan, cabang Program Permata yang ditubuh khas di USIM sejak 2010, bagi kanak-kanak seawal usia lapan tahun bertujuan melahirkan bakal ilmuan pemikir Islam yang agung berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.

BERNAMA